



SIARAN MEDIA

BBP GOHTONG JAYA BAKAL PERKASAKAN KHIDMAT KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN DI PAHANG

GENTING HIGHLANDS, 3 OKTOBER 2024 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Balai Bomba dan Penyelamat Gohtong Jaya dan Kuarters, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang hari ini.

YB KM dalam ucapan perasmianya berkata, pembinaan balai bomba dan penyelamat (BBP) baharu di Gohtong Jaya ini adalah selaras dengan lapan (8) fokus utama Kementerian yang mana salah satu daripadanya adalah memperkukuhkan kesiapsiagaan kebomgaan dan penyelamatan yang sejahtera.

“Bidang fokus ini merangkumi keperluan penambahan dan naik taraf peralatan serta infrastruktur kebomgaan termasuklah penambahan BBP baharu dan kuarters serta penyelenggaraan bagi balai-balai bomba sedia ada,” ujar beliau.

Cadangan pembinaan BBP Gohtong Jaya pada asalnya merupakan projek pembangunan balai bomba dan kuarters yang telah diluluskan pada tahun 2021 di bawah Rolling Plan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selepas beberapa siri perbincangan bersama Genting Malaysia Berhad (GENM) dan pihak-pihak berkaitan kemudiannya telah mengangkat permohonan Cadangan Alternatif Projek Kuarters dan BBP Gohtong Jaya ini melalui Memorandum Jemaah Menteri yang telah diluluskan pada 28 Ogos 2024 untuk melaksanakan projek ini melalui kaedah secara perkongsian pintar.

Menurut YB KM, kos keseluruhan projek ini dianggarkan adalah berjumlah RM68.378 juta di mana sebanyak RM39 juta adalah menggunakan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan manakala baki RM29.378 juta adalah dibiayai oleh GENM secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Pembinaan BBP Gohtong Jaya ini dijangka akan mengambil masa kira-kira 18 bulan dan kerja-kerja pembinaan bangunan dijadualkan bermula pada bulan Januari 2025 dan projek dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan September 2027.



SIRIM



ACBQMS01



SIRIM



ACBABMS01



BBP Gohtong Jaya dan kuarters yang bakal dibina ini merupakan Balai Bomba Kategori C beserta bangunan kuarters dengan 40 unit kediaman dilengkapi dewan serbaguna, surau, ruang makan dan rehat, kawasan halaman serta ruang guna sama beserta landskap dan kemudahan-kemudahan lain.

Pembinaan BBP Gohtong Jaya ini akan dapat meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan bukan sahaja di Gohtong Jaya tetapi turut memberi manfaat kepada penduduk sekitar di kawasan Janda Baik, Bukit Tinggi termasuk juga sempadan Batang Kali dan Selayang, Selangor.

Sementara itu, YBhg. Tan Sri Lim Kok Thay, Timbalan Pengerusi dan Ketua Eksekutif GENM ketika berucap berkata, pembinaan BBP Gohtong Jaya ini bukan sahaja akan menyediakan infrastruktur yang penting, malah ia juga melambangkan komitmen GENM terhadap kelestarian pembangunan di kawasan tersebut.

“BBP yang bakal dibina ini akan menyediakan khidmat kecemasan dan bantuan yang amat diperlukan, terutama sekali dalam menghadapi situasi kebakaran dan bencana,” tegas beliau.

Turut hadir, YBhg. Datuk Wira M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YAS Dato’ Ts. Nor Hisham bin Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
3 OKTOBER 2024



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016